

AmBank perluas program MyKasih



AmBank Group

KUALA LUMPUR - Sebanyak 150 keluarga di Lembah Klang yang mempunyai pendapatan isi rumah di bawah RM1,000 sebulan telah dipilih menerima bantuan kewangan mingguan daripada AmBank Group (AmBank).

Bantuan tersebut disalurkan menerusi Program Komuniti AmBank-MyKasih, di mana setiap keluarga akan menerima bantuan pembelian barangan isi rumah bernilai RM20 setiap minggu untuk tempoh setahun.

Pengagihan bantuan ialah melalui penggunaan MyKad keluarga terlibat bagi pembayaran barangan keperluan yang dibeli mereka.

Pengerusi AmBank, Tan Sri Azman Hashim berkata, program yang merupakan kali ketujuh diadakan di seluruh negara akan melibatkan pengagihan bernilai RM156,000 kepada 150 keluarga di Cheras, Klang dan Pandan Jaya.

"Sesi program pengurusan kewangan juga diadakan un-



AZMAN (tengah) menyerahkan cek bernilai RM1 juta bagi penganjuran program AmBank-MyKasih di Kuala Lumpur semalam.

tuk keluarga terlibat," katanya pada sidang akhbar sempena pelancaran program itu di sini semalam.

Sebelum itu, Azman telah menyerahkan replika cek kepada Pengarah Yayasan MyKasih, Datuk Badlisham

Ghazali dan disaksikan oleh Pengerusi Yayasan MyKasih, Ngau Boon Keat.

Azman berkata, sebanyak RM1 juta telah diperuntukkan untuk Program Komuniti AmBank-MyKasih, di mana sehingga kini sejumlah

RM700,000 telah diagihkan kepada 625 keluarga program tersebut.

Sebelum ini, AmBank telah menganjurkan program yang sama di Sentul, Pulau Pinang; Kuching, Kota Bharu, Subang Jaya dan Kota Kinabalu.